

Land swap: Kerajaan hilang hak milik

Oleh FADZIL ZAINOL
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 MEI

KERAJAAN kehilangan hak milik tanah menjadi antara kesan terburuk akibat ketirisan pertukaran tanah (land swap) Kementerian Pertahanan.

Itu dinyatakan dalam laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) mengenai projek penswastaan membina dan menyiapkan Kompleks 7 Briged Skudai di Mukim Pulau, Johor yang diluluskan semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri keempat.

Projek diluluskan pada Februari 1996, ditandatangani pada Julai 1997 namun perjanjian ditamatkan disebabkan pelbagai masalah.

Berdasarkan penerangan projek, kerajaan bercadang membina sebuah kem tentera baharu di Skudai dan tanah yang dipersejui untuk dilepaskan sebagai balasan kepada pembangunan kem baharu itu ialah tapak Kem Tebrau dan Kem Penggawa Timur Plentong seluas 152 hektar.

Disebabkan pelbagai masalah, projek itu disifatkan gagal.

Namun, tanah balasan dikatakan telah berpindah milik

LAPORAN JKSTUPKK

Disebabkan pelbagai masalah, projek itu disifatkan gagal.

Namun, tanah balasan dikatakan telah berpindah milik, hal itu dibawa ke mahkamah dan Kementerian Pertahanan juga memohon pandangan perundangan bagi meneroka peluang mendapatkan semula pemilikan tanah balasan tersebut.

Pada bahagian penutup laporan siasatan, JKSTUPKK merumuskan pelaksanaan projek mempunyai kelemahan dan terdapat unsur-unsur kecuaihan dari aspek pelantikan syarikat, isu bon tanah dan institusi kewangan, serta pengurusan dan tadbir urus kontrak yang telah mengakibatkan projek gagal serta kerajaan kehilangan hak milik tanah.

"Unit Perancang Ekonomi

(EPU) dilihat tidak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syarikat walaupun telah dimaklumkan beberapa kali mengenai ketidakupayaan syarikat oleh Kementerian Pertahanan.

"Dan juga telah tidak mempertimbangkan pandangan Jabatan Peguam Negara pada masa itu," menurut kandungan laporan itu yang dimuat naik dalam laman web Kementerian Pertahanan semalam.

Minggu lalu, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dalam sidang akhbar mendakwa pelaksanaan 13 daripada 16 projek land swap didapati melibatkan bekas Perdana Menteri dan bekas Menteri Pertahanan.

Mohamad bagaimanapun menafikan Perdana Menteri, Dr. Mahathir terlibat dalam penyelewengan walaupun mengakui kaedah land swap dimulakan sejak tahun 1997 ketika Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Pemerhati melihat isu land swap bukan satu masalah kerana ia merupakan antara langkah Kementerian Pertahanan mendapatkan tanah di lokasi strategik, namun menjadi kontroversi apabila kaedah pelaksanaannya didakwa berlaku ketirisan.